

Artikel

**Sheikh Haji: Satu Penelitian Terhadap Isu dan Cabaran Semasa Penggunaan Kapal Laut sehingga Penubuhan Muassasah**

*(Hajj Brokers: A Study on The Issues and Challenges during the Usage of Sea Travel Until the Establishment of Muassasah)*

Nur Zattiel Amierra Idris\* & Aiza Maslan @ Baharudin

Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800, Pulau Pinang, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [zatieidris@gmail.com](mailto:zatieidris@gmail.com)

Diserah: 23 Mei 2023

Diterima: 13 Jun 2023

**Abstrak:** Makalah ini menetengahkan perbincangan tentang sistem yang telah sekian lama bertapak dalam institusi haji, iaitu Sheikh Haji sehingga disifatkan 'as old as the hajj itself'. Sheikh Haji telah menjadi sebahagian daripada sub-budaya dan tradisi berhaji masyarakat Muslim, khususnya orang Melayu. Artikel ini bertujuan meneliti isu serta cabaran yang dihadapi oleh Sheikh Haji sepanjang berlangsungnya era kapal laut sehinggalah kepada penubuhan Muassasah dengan menggunakan pendekatan metodologi sejarah yang bersifat kualitatif deskriptif dan analitikal. Kajian ini menggunakan sumber primer seperti Ordinance of the Straits Settlements (S.S)-1906-1907, fail Setiausaha Kerajaan Negeri dan Laporan Tahunan Haji yang diteliti, ditafsir serta disusun menjadi hujah yang objektif dan disokong oleh sumber sekunder. Hasil kajian mendapati bahawa bukan sedikit isu berbangkit berhubung perkhidmatan Sheikh Haji sehingga menimbulkan pelbagai rungutan melibatkan salah laku, pengabaian dan penganiayaan Sheikh Haji terhadap jemaah haji. Pada masa yang sama Sheikh Haji turut berhadapan dengan pelbagai cabaran berbentuk persaingan sesama mereka dan perubahan peraturan dan polisi kerajaan Arab Saudi.

**Kata kunci:** Sheikh Haji; jemaah haji Melayu; eksploitasi; laporan tahunan Haji; Muassasah

**Abstract:** This paper will focus on hajj brokers, also known as Sheikh Haji. The hajj brokers system had existed for so long that it is said to be 'as old as the hajj itself'. They had become a part of the hajj sub-culture and tradition for the Muslims, especially Malays. This article aims to analyse the issues and challenges faced by hajj brokers during the sea travel period up until the establishment of Muassasah. The historical methodology is employed in this qualitative descriptive and analytical study. The study uses primary sources such as the Ordinance of the Straits Settlements (S.S)-1906-1907, files from the State Secretary Office and the Annual Hajj Reports. These documents are examined, interpreted, and organised to form objective arguments. The arguments are also supported by secondary sources. The study found that there were various issues related to the hajj brokers' service, resulting in numerous grievances. The issues include misconduct, neglect, and mistreatment of hajj pilgrims by the hajj brokers. At the same time, the hajj brokers also faced many challenges such as stiff competition among themselves, and changes in the rules and policies of the Saudi government.

**Keywords:** Hajj Brokers; Malay pilgrims; exploitation; Hajj annual reports; Muassasah

## Pengenalan

Sejarah haji orang Melayu sememangnya mempunyai latar perkembangan yang cukup unik dan menarik untuk dikaji. Walaupun kajian tentang pengerjaan haji dari sudut sejarah bukanlah suatu yang baru dilakukan, namun begitu, kajian yang memberikan fokus khusus kepada sosok individu bergelar 'Sheikh Haji' serta sistem itu sendiri masih belum banyak dikaji dan dihasilkan. Sheikh Haji merujuk kepada segolongan pihak yang menyediakan perkhidmatan pengurusan bagi umat Islam untuk menunaikan ibadat haji ke Tanah Suci Makkah.

Sepanjang berlangsungnya era kapal haji, sebaik sahaja keputusan dibuat oleh orang Melayu untuk mengerjakan ibadat haji, perkara yang menjadi keutamaan ialah pemilihan Sheikh Haji. Pemilihan berkenaan dibuat berdasarkan saranan daripada rakan sekampung yang pernah menggunakan perkhidmatan Sheikh Haji berkenaan atau melalui kempen yang dianjurkan oleh Sheikh Haji melalui *runner* atau broker haji yang dilantik. Sheikh Haji atau broker haji yang bergiat di Tanah Melayu mesti mendapatkan lesen daripada Pengarah Biro Perisikan Politik Negeri-Negeri Selat dan Persekutuan Tanah Melayu yang berpusat di Singapura. Sheikh Haji dan broker haji yang telah diberikan lesen juga dikehendaki mengemukakan laporan tentang jemaah haji pada setiap bulan pertama musim haji kepada Pengarah Biro Perisikan Politik Negeri-Negeri Selat. Kegagalan mematuhi peraturan yang ditetapkan akan menyebabkan lesen mereka terbatal. Tugas Sheikh Haji seperti menyediakan rumah penginapan, menguruskan pengangkutan barang-barang jemaah haji ke pelabuhan, serta mendapatkan tiket dan pas haji menyebabkan mereka sangat dekat di hati orang Melayu. Makalah ini bertujuan membincangkan isu dan cabaran yang dihadapi oleh Sheikh Haji dalam pengendalian urusan haji di Tanah Melayu.

## Sorotan Literatur

Penelitian terhadap penulisan terdahulu mendapati bahawa penulisan yang membahaskan tentang Sheikh Haji di Tanah Melayu masih terlalu terhad. Tulisan Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis* merupakan antara kajian terawal tentang Sheikh Haji yang menonjolkan peranan yang dimainkan oleh Sheikh Musyafilah dalam membantu Raja Ahmad menunaikan ibadat haji (Hooker, 1998). Meskipun tiada perkataan Sheikh Haji disebut secara khusus, namun fungsi yang dimainkan oleh Sheikh Musyafilah secara tidak langsung menggambarkan tugas dan peranan seorang Sheikh Haji pada ketika itu.

Isu berkaitan Sheikh Haji turut meraih perhatian Roff (1975). Tulisan beliau merupakan antara tulisan bersifat ilmiah yang terawal dihasilkan menyentuh tentang ibadat haji orang Melayu. Kajian beliau memfokuskan tentang pengurusan haji dari Tanah Melayu sehingga membawa kepada perlantikan Pegawai Haji Tanah Melayu pertama pada tahun 1923, iaitu Abdul Majid Zainuddin yang bertanggungjawab mengawal selia urusan pengendalian jemaah haji dari Tanah Melayu. Kajian Roff turut menyentuh perihal Sheikh Haji dan tindakan keras yang dikenakan ke atas mereka. Dalam kajian lain, Roff (1994) yang menyifatkan sistem Sheikh Haji '*as old as the haj itself*' turut menegaskan bahawa kegiatan Sheikh Haji ini pada mulanya dipelopori oleh mereka yang menetap di Singapura ataupun berkelahiran Arab Peranakan.

Sementara itu, Mohd Zulfadhli (2011) pula memfokuskan kepada aktiviti dan operasi Sheikh Haji di Tanah Melayu antara tahun 1900 sehingga 1950. Diskusi yang diketengahkan oleh beliau menyorot tentang operasi Sheikh Haji di Tanah Melayu. Namun begitu, kajian beliau ini tidak menyentuh tentang permasalahan dan cabaran yang dihadapi oleh Sheikh Haji itu sendiri. Sementara itu, Siti Amirah (2015) yang memilih perniagaan haji di George Town sebagai fokus kajian menyetengahkan bahawa istilah Sheikh Haji yang terkenal dalam kalangan orang Melayu sebenarnya merujuk kepada tiga kategori, iaitu broker haji, Sheikh Haji dan *runner*.

Kajian yang diketengahkan oleh McDonnell (1986) yang mengkaji sejarah haji mulai tahun 1860 sehingga 1981 wajar diberikan perhatian. Beliau memfokuskan kepada impak pengurusan haji kepada sosioekonomi masyarakat Melayu. Meskipun beberapa isu berkaitan kesihatan dan kebajikan telah disentuh, namun sistem Sheikh Haji tidak menjadi fokus perbincangan utama dalam penulisannya. Sementara itu, Tagliocozzo (2013) yang merakamkan pengkisahan haji dalam bentuk memoir menggunakan pendekatan sejarah lisan juga tidak memberikan perhatian kepada kedudukan dan peranan Sheikh Haji dalam kehidupan orang Melayu.

Kajian komprehensif mengenai sejarah haji orang Melayu semasa era kapal laut sehingga ke penubuhan Muassasah diketengahkan oleh Aiza Maslan (2009). Kajian beliau menyangkal dakwaan-dakwaan sarjana Barat dengan mengemukakan hujah berdasarkan rekod-rekod rasmi seperti Laporan Tahunan Haji dan fail Setiausaha Kerajaan. Penulisan yang menggunakan pendekatan sejarah lisan sebagai salah satu kaedah penyelidikan ini memberikan gambaran jelas mengenai fungsi serta peranan Sheikh Haji semasa era kapal laut. Walau bagaimanapun, isu dan cabaran yang dihadapi oleh Sheikh Haji tidak disentuh secara mendalam, sekali gus membuka ruang kepada kajian ini. Oleh yang demikian, penulisan makalah ini bertujuan mengisi kelompongan tersebut menerusi sudut pandang penulisan sejarah.

### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan sejarah dengan pendekatan kualitatif yang memerlukan penelitian terperinci dalam penilaian data-data. Bagi mencapai tujuan berkenaan, kajian penyelidikan kepustakaan, dokumen arkib serta analisis dokumen telah dilakukan. Dokumen arkib membuka laluan serta memberi gambaran dan penilaian terhadap perjalanan peristiwa yang berlaku pada masa lampau dengan mengumpul bukti tentang masa lalu, menilai bukti tersebut dalam skop masa yang dikaji, dan kemudian mengakses bagaimana bukti tersebut menyumbang kepada pemahaman kita mengenai tempoh tersebut. Antara sumber primer yang digunakan ialah *Ordinance of the Straits Settlements (S.S)-1906-1907*, fail Setiausaha Kerajaan Negeri dan Laporan Tahunan Haji. Kefahaman terhadap dokumen-dokumen primer turut dimantapkan lagi dengan bahan-bahan dalam bentuk buku, tesis dan jurnal yang turut digunakan sebagai bahan rujukan bagi meneliti perbincangan yang diketengahkan oleh penyelidik terdahulu berkenaan isu serta cabaran yang dihadapi oleh Sheikh Haji semasa era kapal laut.

### Perbincangan

#### 1. Sistem Sheikh Haji dalam Sejarah

Menurut Zainal Abidin et al. (1993), gelaran sheikh pada kebiasaannya merujuk kepada seseorang yang dianggap sebagai ketua, pemimpin ataupun kepala bagi sesebuah pertubuhan ataupun kumpulan perdagangan. Malahan, gelaran ini juga sinonim dalam kalangan orang Arab yang merujuk kepada ketua kampung, kabilah ataupun keluarga. Sementara itu, gelaran Sheikh Haji pula digunakan untuk merujuk kepada sesiapa ataupun mana-mana individu yang terlibat dalam aktiviti pengurusan jemaah haji ke Tanah Suci Makkah. Menurut Nabihah Hassan (1978), gelaran Sheikh Haji hanya digunakan secara meluas oleh orang Melayu di Asia Tenggara, namun di dalam persuratan dan urusan rasmi, istilah broker haji sebenarnya lebih kerap digunakan. Menariknya, gelaran Sheikh Haji sebenarnya hanya popular penggunaannya dalam kalangan orang Melayu sahaja kerana di Tanah Arab, istilah yang digunapakai ialah *Mutawwif*.

Sistem Sheikh Haji yang telah wujud sejak sekian lama telah menjadi sebahagian daripada adat dan tradisi masyarakat Hejaz. Hurgronje (1970) menyifatkan bahawa kelahiran kegiatan Sheikh Haji di Tanah Suci berkait rapat dengan keadaan masyarakat Hejaz yang bergantung hidup kepada kegiatan haji umat Islam. Hasil daripada hubungan yang berjalan secara tidak langsung seperti membimbing pekerjaan haji, menyewakan rumah mereka sebagai penginapan, menyediakan makan minum dan menjadi jurubahasa kepada jemaah haji akhirnya telah melahirkan bilangan Sheikh Haji yang begitu ramai

Berdasarkan akta yang telah diwartakan oleh pihak British muncul satu lagi istilah, iaitu *Pilgrim Broker* yang merujuk kepada individu yang bertanggungjawab membawa masuk pemilik ataupun nakhoda kapal yang membawa jemaah haji masuk ke kawasan tanah jajahan. Ia juga merujuk kepada individu pemilik ataupun nakhoda kapal yang membeli, dan menjualkan semula atau menjual tiket bagi mendapatkan komisen atau berunding, ataupun yang mendapat apa-apa ganjaran di atas pembelian dan penjualan tiket pelayaran jemaah haji. *Pilgrim Broker* turut merujuk kepada mereka yang membekalkan ataupun menawarkan rumah penginapan atau kemudahan tempat tinggal untuk jemaah haji menginap serta sesiapa yang secara langsung atau tidak langsung memperoleh ganjaran ataupun imbuhan sekiranya dapat menasihati ataupun mempengaruhi mana-mana jemaah haji dalam urusan berkaitan pengerjaan haji mereka (*Ordinance of the Straits Settlements (S.S)-1906-1907*).

Sistem Sheikh muncul bagi memenuhi keperluan jemaah haji yang datang dari seluruh pelosok dunia, membimbing mereka melaksanakan tuntutan haji, membantu mereka memahami selok belok kehidupan di Tanah Suci, sekali gus menyediakan segala kemudahan penginapan, makan minum, dan pengangkutan sepanjang musim haji. Pada peringkat awal, kegiatan Sheikh Haji bergerak secara persendirian. Namun begitu, Sheikh Haji ini kemudiannya membentuk persatuan, meneruskan kegiatan mereka secara perniagaan dan melantik wakil-wakil di seberang laut bagi mendapatkan jemaah haji yang meliputi negara-negara yang ramai penduduk Islam termasuklah Tanah Melayu (Aiza Maslan, 2009).

Terbukti bahawa Sheikh Haji merupakan antara aktor utama dan terpenting yang berperanan serta bertanggungjawab dalam memastikan jemaah haji dari Tanah Melayu berjaya sampai ke tanah suci Makkah bagi menyempurnakan rukun Islam kelima sepanjang berlangsungnya era kapal laut. Segala keperluan jemaah haji di bawah pengendalian mereka akan diberikan perhatian daripada makanan, minuman, tiket kapal, pas haji sehinggalah kepada penginapan ketika menunggu kapal haji di pelabuhan sebelum berlepas dan ketika tiba di Makkah kesemuanya akan diuruskan oleh Sheikh Haji. Bagi mencapai matlamat dan kelancaran dalam pengendalian urusan haji, Sheikh Haji di Tanah Melayu akan menjalin kerjasama erat dengan Sheikh Haji yang beroperasi di Makkah kerana mereka akan mengambil alih tugas membantu jemaah haji selama berada di Makkah nanti (Fail 2007/0024650). Jalinan hubungan ini amat penting dan berkesan dalam memastikan kelancaran proses pengerjaan ibadat haji dari awal sehinggalah jemaah haji kembali ke tanah air. Sistem Sheikh Haji ini bertahan bagi suatu tempoh yang agak panjang walaupun berdepan dengan pelbagai bentuk cabaran serta perubahan melibatkan pelbagai aspek dari semasa ke semasa.

Bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan mereka, saban tahun Sheikh Haji di Tanah Melayu sentiasa berusaha untuk mendapatkan seramai mungkin jemaah haji bagi setiap musim haji. Perkara tersebut terbukti melalui kegiatan mempromosikan perkhidmatan mereka di seluruh kawasan termasuk di kampung-kampung. Bagi mencapai sasaran tersebut, Sheikh Haji pada kebiasaannya akan melantik wakil-wakil di setiap daerah atau kawasan yang dikenali sebagai badal haji bagi melancarkan kempen mendapatkan jemaah haji baharu bagi musim haji yang akan datang (Yahaya Awang, 2008). Menurut Abdul Aziz Ismail yang pernah menjadi Sheikh Haji pada sekitar tahun 1970-an di Pulau Pinang, beliau seringkali berkomunikasi dengan penghulu kampung bagi mendapatkan senarai daftar nama bakal jemaah haji pada setiap musim haji (Mahani Musa et al., 2018).

Jalinan dan kerjasama yang erat antara Sheikh Haji dan wakil syarikat perkapalan juga amat penting bagi menjamin kelancaran perkhidmatan yang ditawarkan oleh mereka. Terdapat banyak syarikat perkapalan yang mula muncul silih berganti dalam usaha menyediakan perkhidmatan pelayaran kapal laut ke Pelabuhan Jeddah. Antara syarikat perkhidmatan kapal haji pernah menawarkan perkhidmatan kepada jemaah haji Tanah Melayu suatu ketika dahulu ialah *The Ocean Steam Ship Company Limited* atau *The Blue Funnel Line* yang cukup sinonim dengan pengangkutan haji dalam kalangan orang Melayu. Sementara itu, ejen yang dilantik mewakilinya di Singapura dan Pulau Pinang ialah *Mansfield and Company*. *Mansfield and Company* juga merupakan ejen bagi *The China Navigation Company* yang kemudiannya turut terlibat dengan pengangkutan jemaah haji menggantikan *The Blue Funnel Line*.



Foto 1. Iklan syarikat perkhidmatan kapal laut semasa musim haji  
Sumber: Fail 2010/0000195, Muslim Pilgrims Guide Penang (1965)




Foto 2. Iklan haji oleh syarikat perkapalan tahun 1927  
 Sumber: Fail 1957/0401730, 1663/1346, Applies for a pilgrim broker's licence (1957)

Penelitian terhadap kawasan pengoperasian utama Sheikh Haji mendapati bahawa ianya terletak berdekatan kawasan pelabuhan sama ada di Singapura dan Pulau Pinang sebelum kemunculan sebuah lagi pelabuhan berlepas bagi jemaah haji, iaitu Pelabuhan Swettenham, Klang. Bagi jemaah haji negeri-negeri utara seperti Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Kelantan dan Perak Utara mereka akan menggunakan perkhidmatan Sheikh Haji yang beroperasi di Pulau Pinang dan akan menunggu kapal haji mereka di pelabuhan terbabit (Mohd Zulfadhli, 2011). Manakala, jemaah haji yang berasal dari Johor, Melaka, Pahang, Terengganu, Negeri Sembilan, Selangor dan Perak Selatan kebanyakan mereka akan mendapatkan perkhidmatan Sheikh Haji yang berpangkalan di Pelabuhan Singapura (Mohamad Muhaimin & Jasni Sulong, 2018).

Namun begitu, selepas Pelabuhan Swettenham, Klang dijadikan pelabuhan berlepas bagi jemaah haji, maka kebanyakan jemaah haji yang dahulunya menaiki kapal haji di Singapura beralih ke Pelabuhan Swettenham, Klang. Namun, jemaah haji dari Johor lebih cenderung untuk menunggu kapal haji di Pelabuhan Singapura disamping segelintir jemaah haji dari negeri-negeri lain yang telah memilih Sheikh Haji yang beroperasi di Singapura. Pemilihan lokasi operasi Sheikh Haji yang hampir dengan kawasan pelabuhan didorong oleh beberapa faktor seperti kemudahan pengangkutan serta kemudahan transit sementara, iaitu penginapan atau rumah Sheikh Haji. Terdapat juga jemaah haji yang menumpang di masjid, rumah saudara mara atau menginap di hotel-hotel berdekatan. Sementara itu, barangan seperti beg, tong sahara dan lain-lain akan diuruskan oleh Sheikh Haji (Yahaya Awang, 2008).

## 2. Isu dan Cabaran yang Dihadapi Sheikh Haji

Walaupun sistem Sheikh Haji sudah menjadi sebahagian daripada proses perjalanan ibadat haji yang diwarisi zaman berzaman, seringkali terdapat pelbagai rungutan dan isu berbangkit mengenai pelaksanaannya dari semasa ke semasa. Sudah pasti pengendalian urusan haji yang menyaksikan kehadiran sejumlah besar jemaah haji berkumpul pada satu-satu masa saban tahun bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan tanpa sebarang kecacatan dan kelemahan. Antara perkara yang perlu dilakukan bagi membolehkan seseorang bergelar Sheikh Haji ialah mengemukakan permohonan lesen untuk menjadi seorang ejen haji. Untuk menjadi seorang Sheikh Haji berdaftar, mereka yang berminat perlu untuk memohon lesen daripada kerajaan negeri yang kemudiannya akan diluluskan dengan kebenaran pihak kolonial British. Syed Salleh bin Syed Hashim Alsagaf umpamanya, pernah mengemukakan permohonan bagi menjadi Sheikh Haji negeri Kedah. Bagi tujuan tersebut, permohonan yang dikemukakan oleh beliau perlu mendapat maklum balas daripada wakil di setiap daerah dalam negeri Kedah sebelum permohonan itu diluluskan. Wakil di setiap daerah pula perlu menulis sepucuk surat beserta cop rasmi bagi menyokong usul perlantikan beliau. Setelah dipersetujui secara majoriti, maka kerajaan negeri Kedah secara rasmi boleh melantik beliau menjadi Sheikh Haji negeri Kedah (Fail 1957/0401730, 1663/1346).

Bagi kes di Pulau Pinang pula, mereka yang berhasrat menjadi Sheikh Haji perlulah mendapatkan lesen daripada balai polis, khususnya bagi mereka yang akan menguruskan jemaah haji secara persendirian. Antara syarat yang diwajibkan ialah Sheikh Haji itu mesti mempunyai latar belakang yang baik, iaitu tidak

mempunyai sebarang rekod jenayah (Siti Amirah, 2015). Berdasarkan syarat yang ditetapkan, jelas bahawa gelaran Sheikh Haji ini tidak diberikan kepada seseorang individu sewenang-wenangnya, sebaliknya ianya haruslah melalui proses yang ketat dan memerlukan sokongan masyarakat tempatan bagi melayakkan diri menjadi Sheikh Haji yang menguruskan jemaah haji.

Namun begitu, isu salah laku dalam kalangan Sheikh Haji bukanlah perkara baharu. Perkara sebegini seringkali menimbulkan ketegangan antara jemaah haji dan keluarga mereka dengan Sheikh Haji. Dalam kes sebegini aduan biasanya dikemukakan oleh jemaah haji atau anggota keluarga mereka yang terlibat kepada pihak berwajib. Terdapat satu aduan oleh penolong Penghulu Daerah Ulu Langat dan Cheras, Selangor berkaitan dengan salah laku yang dilakukan oleh Sheikh Haji bernama Hussin yang beralamat di No. 218, Lorong Syed Alwi, Singapura. Aduan ini telah dikemukakan kepada Pegawai Daerah Ulu Langat yang kemudiannya dipanjangkan kepada Pengarah Biro Perisikan Politik di Singapura untuk tindakan sewajarnya.

Mangsa yang mengiringi ibu mertua yang akan ke Makkah bagi menunaikan ibadat haji telah sampai di Singapura pada 22 Februari 1924 dengan menaiki kereta api mendakwa bahawa beliau telah dikasari oleh Sheikh Haji tersebut kerana tidak mahu menggunakan perkhidmatan Sheikh Haji Hussin sebagai Sheikh Haji setelah dipujuk berbuat demikian di stesen keretapi Jalan Tank, Singapura. Keengganan tersebut berikutan ibu mertua beliau sudahpun berurusan melalui telegraf dengan Sheikh Haji Mohd Noor yang beralamat di No. 32, Jalan Palembang, Singapura dan barang-barang keperluan telahpun diserahkan kepada badal haji berkenaan. Anak dan badal haji Sheikh Haji Hussin didakwa telah mengeluarkan perkataan kesat serta menumbuk mangsa. Hasil daripada aduan yang dikemukakan menyebabkan Sheikh Haji Hussin, anaknya serta badal hajinya telah disiasat dan dipanggil untuk memberikan keterangan. Amaran bertulis telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa Singapura berhubung salah laku beliau terhadap keluarga jemaah haji dari Selangor tersebut (Fail 1957/0230421, Sel. Sec. 1410/1924).

Selain di tanah air, salah laku Sheikh Haji turut dilaporkan di Makkah. Hasil aduan rasmi yang dibuat oleh Ketua Rombongan Haji Malaysia pada tahun 1977 telah menyebabkan Sheikh Ahmad Dosal yang didakwa atas kesalahan meninggalkan 20 orang jemaah haji dari Temerloh di bawah jejambat dan kegagalan mendirikan khemah untuk jemaah hajinya di Mina ditangkap dan ditarik balik jawatannya. Wang jemaah haji yang dipungut bagi perbelanjaan di Mina dikembalikan kepada jemaah terbabit (Laporan Ketua Rombongan Haji, 1977). Walau bagaimanapun, hakikatnya aduan berkaitan salah laku Sheikh Haji sebenarnya sangat jarang dilaporkan oleh jemaah haji, sekali gus memberikan cabaran kepada pihak berkuasa Arab Saudi dan Lembaga Tabung Haji untuk membawa kes salah laku Sheikh Haji ke muka pengadilan dan mengakibatkan tindakan sewajarnya sukar dilakukan (Aiza Maslan, 2009).

Berikutan itu, Laporan Tahunan Tabung Haji (1982/1983) mengesahkan bahawa aduan yang berjaya di bawa ke muka pengadilan adalah berkurangan berbanding tahun-tahun sebelumnya. Pada tahun 1982 umpamanya, sebanyak lima aduan terhadap Sheikh Haji di Mina telah berjaya dibawa ke muka pengadilan. Sheikh Abas Mukminah telah didakwa atas tuduhan tidak memberi makan 469 orang jemaah haji sedangkan wang jamu sudah dibayar oleh jemaah berkenaan. Beliau telah diarahkan membayar balik SR35.00 seorang ke dalam akaun jemaah haji. Sementara itu, Sheikh Husin Makki pula didakwa atas kesalahan menyediakan khemah yang terlalu sempit, tidak memberi makan jemaah haji dan penyediaan bekalan air yang sedikit. Arahan telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa agar beliau memperbaiki keadaan tersebut dalam masa sejam dan arahan tersebut telah dipatuhi. Manakala, Sheikh Asma Harun pula telah diberi masa tiga jam bagi memperbaiki keadaan khemahnya yang sempit dan tidak mempunyai bekalan air dan elektrik dan beliau kemudiannya telah mengambil tindakan yang sewajarnya.

Lebih malang lagi, Sheikh Kadir Yahya Nuri telah didakwa atas pelbagai kesalahan antaranya tidak berhenti di Muzdalifah, memaksa jemaah haji melakukan Nafar Awal, menyediakan nasi mentah dan ikan busuk, tidak menyediakan bekalan air yang mencukupi, keadaan tandas yang disediakan untuk kegunaan jemaahnya terlalu kotor dan keadaan khemah yang terlalu sempit sehingga jemaah haji tidak dapat meluruskan kaki. Beliau telah diarahkan memohon maaf kepada jemaah haji dan berjanji tidak akan mengulangi kesalahan berkenaan. Sheikh Abdullah Rembau, Sheikh Badur Rembau dan Sheikh Yaakob Perak pula masing-masing didakwa atas kesalahan tidak memasak nasi untuk jemaah haji dan kesemua mereka telah diberi amaran dan diarahkan memasak nasi untuk jemaah haji masing-masing.

Sementara itu, daripada sembilan kes yang dilaporkan pada tahun 1983, hanya satu kes, iaitu aduan terhadap Sheikh Ali Rashidi yang berjaya dibawa ke Kementerian Haji dan Wakaf dan ke peringkat Jawatankuasa Aduan. Kejayaan tersebut berikutan keengganan pengadu, iaitu Abdullah Fajri Abdullah menerima tawaran SR10,000.00 yang dibuat oleh Sheikh Haji terbabit kepada pengadu untuk mengggurkan aduan yang telah dikemukakan. Bagi kes-kes lain, ternyata pihak pengadu telah berjaya dipujuk rayu dengan jaminan layanan istimewa oleh Sheikh Haji agar aduan ditarik balik (Laporan Tahunan Tabung Haji, 1982).

Selain itu, satu insiden melibatkan dua orang Sheikh Haji yang telah melarikan wang tiket jemaah haji berjumlah sekitar \$5,400 oleh Sheikh Haji bernama Haji Mat Sending pernah dilaporkan juga. Seorang lagi, Haji Rumli Walangku pula dilaporkan menggelapkan wang tiket jemaah haji berjumlah \$1,800. Namun begitu, mereka telah dibenarkan untuk diikat jamin dengan hanya \$500 sahaja (Fail 1957/0246345, Sel. Sec. 720/1927). Insiden sebegini sebenarnya mengundang ketidakpercayaan jemaah haji dalam mendapatkan perkhidmatan pengurusan haji oleh Sheikh Haji.

Peraturan Kerajaan Arab Saudi menghendaki sebarang aduan mengenai urusan haji dikemukakan secara bertulis kepada Kementerian Haji dan Wakaf Arab Saudi. Kebimbangan bahawa amalan haji mereka akan tergendala dan penangguhan penerbangan pulang ke tanah air kerana terpaksa menghadiri perbicaraan di mahkamah berulang kali mendorong jemaah haji untuk tidak mengemukakan aduan secara bertulis. Sehubungan itu, pihak Lembaga Tabung Haji sentiasa menasihati jemaah haji agar mengemukakan aduan secara bertulis sekiranya mereka ingin memastikan kebajikan mereka kekal terpelihara. Keengganan jemaah haji Melayu mengemukakan aduan terhadap sheikh haji juga berkemungkinan berkait rapat dengan perspektif mereka bahawa sikap mengheboh dan memperkata perkara yang dianggap buruk yang berlaku di Makkah adalah kurang baik kerana perbuatan berkenaan seolah-olah mencerca Tanah Suci Makkah (Aiza Maslan, 2009).

Isu salah laku, pengabaian dan penganiayaan Sheikh Haji terhadap jemaah haji akhirnya mendorong kepada pelaksanaan satu petisyen supaya kawalan terhadap aktiviti tidak bertanggungjawab melibatkan Sheikh Haji diwujudkan (Fail 1957/0298429, Sel. Sec. 2753/1949). Petisyen yang diwujudkan bertujuan supaya kebajikan jemaah haji terjamin dan mendapat pembelaan sewajarnya daripada pihak berkuasa. Perkara tersebut selari dengan gesaan yang dibuat oleh Muhammad Rafiqi (1930) pernah menyifatkan bahawa tindakan pengabaian Sheikh Haji terhadap jaminan keselesaan jemaah haji sebagai satu bentuk penghinaan terhadap maruah agama dan bangsa.

Sebagai hasilnya, pihak kolonial British telah melaksanakan satu alternatif dengan menyenaraihitamkan mana-mana Sheikh Haji yang bermasalah melakukan penyelewengan dan pengabaian terhadap tugas mereka (Roff, 1975). Permohonan visa mereka akan ditolak serta merta untuk mereka pergi ke kawasan di bahagian Timur. Dalam usaha mengawal tindak tidak bermoral Sheikh Haji, mana-mana Sheikh Haji yang mempunyai rekod perkhidmatan buruk akan disenaraihitamkan supaya visa mereka disekat untuk memasuki rantau di Asia Tenggara. Antara mereka yang pernah disenaraihitamkan ialah Sheikh Ishak Abdullah dan Sheikh Mohamed Nasir (Aiza Maslan, 2009). Ekoran terdapatnya laporan mengenai penyelewengan yang berlaku satu usul telah dikemukakan oleh Menteri Besar Kelantan, Dato' Perdana Menteri Paduka Raja Nik Mahmud bin Nik Ismail bagi mengatasi masalah tersebut, iaitu bayaran perbelanjaan haji perlu dilakukan kepada Pegawai Haji Tanah Melayu ataupun Sheikh Haji yang dipilih oleh jemaah haji dan ianya perlulah dihantar segera kepada Pegawai Pasport di Tanah Melayu (Roff, 1975).

Sheikh Haji turut berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam menawarkan perkhidmatan mereka. Peningkatan jumlah Sheikh Haji saban tahun mewujudkan persaingan yang cukup sengit bagi memperoleh jemaah haji. Justeru itu, seorang Sheikh Haji perlu bijak mempromosikan diri sendiri serta perkhidmatan yang ditawarkan. Selain medium pemberitahuan dari mulut ke mulut, medium media yang menggunakan teknik sebaran am, iaitu menerusi akhbar sangat penting. Akhbar atau majalah merupakan antara medium yang digunapakai oleh Sheikh Haji dalam memaparkan perkhidmatan mereka kepada orang ramai. Syed Ali bin Syed Abdullah Al-Mufathal umpamanya, salah seorang Sheikh Haji yang mempunyai jumlah jemaah haji yang ramai berpangkalan di Pulau Pinang sering memuatkan iklan perkhidmatan beliau dalam *Pemandu Jemaah Haji* (lihat Foto 3).



Foto 3. Iklan Sheikh Haji dalam *Pemandu Jemaah Haji*, 1965  
Sumber: Fail 2010/0000195, Muslim Pilgrims Guide Penang (1965)

Menurut Muhammad Saleh (2009), antara cabaran yang cukup hebat perlu dihadapi oleh Sheikh Haji adalah berpunca daripada perbuatan merampas jemaah haji Sheikh Haji lain. Meskipun perbuatan tersebut hanya berlaku dalam bilangan yang kecil, namun ianya tetap memberikan kesan negatif kepada kelicinan proses pengurusan haji. Terdapat segelintir Sheikh Haji atau wakil mereka yang bersikap tidak bertanggungjawab dengan mendekati jemaah haji orang lain semasa mereka berada di pelabuhan ataupun di dalam kapal (Mohd Zulfadhli, 2011). Jemaah haji yang menjadi mangsa akan dipujuk rayu, ditawarkan imbalan, ditipu ataupun diperas ugut oleh Sheikh Haji supaya mereka mengubah Sheikh Haji mereka mengikut apa yang disarankan (Muhammad Saleh, 2009). Kesannya, setelah berjaya mendapatkan wang komisyen ataupun upah yang sepatutnya, Sheikh Haji terbabit akan bersikap lepas tangan dan tidak mahu ambil peduli terhadap jemaah haji yang diperdaya oleh mereka. Berikutan perkara tersebut, satu peraturan baru telah dikeluarkan bagi mereka yang hendak menunaikan haji sama ada melalui Pelabuhan Swettenham, Klang ataupun Pelabuhan Pulau Pinang, perlu mengisi maklumat diri dan menyerahkannya kepada kadi di kawasan mereka bagi mengelakkan kes penipuan oleh Sheikh Haji dan pada masa yang sama membantu kerajaan negeri untuk menyalurkan sebarang berita yang berlaku terhadap jemaah haji kepada waris dan saudara mara (Fail 1957/0216221, Sel. Sec. 2595/1921).

Selain cabaran merampas jemaah haji yang telah dibincangkan di atas, satu lagi cabaran yang dihadapi oleh Sheikh Haji adalah kekerapan peraturan baharu yang diperkenalkan oleh kerajaan Arab Saudi. Pada tahun 1975 umpamanya, kerajaan Arab Saudi menetapkan bahawa jemaah haji hanya dibenarkan berada di Hejaz selama 40 hari, iaitu 30 hari di Makkah dan 10 hari di Madinah. Mereka juga dikehendaki menyediakan lebih perbelanjaan untuk bayaran tambang, tempat tinggal dan perkhidmatan Sheikh Haji di Makkah dan Madinah. Peraturan baharu tersebut ternyata memberikan kesan penurunan mendadak kepada jumlah jemaah haji yang ingin ke Makkah pada tahun berkenaan. Daripada tujuh pelayaran yang ditetapkan oleh Lembaga Tabung Haji, merosot kepada hanya tinggal dua pelayaran kapal haji sahaja pada tahun tersebut (Siti Amirah, 2015).

Sementara itu, pengenalan sistem kuota oleh kerajaan Arab Saudi pada tahun 1976, yang menetapkan bahawa Sheikh Haji Tanah Suci hanya boleh dilantik oleh kerajaan Arab Saudi dan mereka yang datang dari luar tidak dibenarkan bergiat di Tanah Suci sebagai Sheikh Haji. Hal ini sebenarnya bertujuan untuk mengelakkan daripada berlakunya lambakan atau lebih jumlah jemaah haji bagi seseorang Sheikh Haji. Sistem kuota ini diperkenalkan supaya setiap Sheikh Haji perlu bertanggungjawab menguruskan jemaah haji dalam jumlah yang bersesuaian sahaja. Walau bagaimanapun, sistem tersebut menimbulkan beberapa masalah baharu kerana terdapat segelintir Sheikh Haji yang dilantik oleh kerajaan Arab Saudi belum mahir dalam pengurusan jemaah haji. Terdapat juga beberapa kes apabila suami isteri ditempatkan secara berasingan akibat berlainan sheikh haji (Aiza Maslan, 2009). Kepincangan ini pada akhirnya mendorong pula kepada pengenalan Sistem Muassasah yang telah dirangka pada tahun 1982, namun hanya dilaksanakan setahun berikutnya. Sistem Muassasah ini kemudiannya diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1984.

Pelaksanaan Sistem Muassasah oleh kerajaan Arab Saudi terhadap semua jemaah haji Asia Tenggara termasuk Malaysia telah mewujudkan cabaran yang tidak kurang hebatnya kepada Sheikh Haji. Sistem berkenaan merupakan gabungan Sheikh-sheikh Haji yang sebelum ini bergerak secara bersendirian, tetapi



kemudiannya diletakkan di bawah sebuah badan atau lembaga yang dikawal selia oleh Kementerian Haji dan Wakaf Arab Saudi. Penubuhannya bertujuan untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada jemaah haji bagi menggantikan sistem Sheikh Haji yang dianggap mempunyai pelbagai kelemahan dan menimbulkan pelbagai rungutan. Melalui sistem baharu berkenaan, jemaah haji dibahagikan kepada maktab-maktab mengikut label yang ditampal pada pasport jemaah haji. Maktab-maktab yang ditetapkan bertanggungjawab menyediakan segala keperluan jemaah haji termasuk perumahan, makanan, air dan pemandu bagi ibadah tawaf, sai dan melontar. Maktab-maktab juga akan menguruskan pemergian jemaah haji ke Arafah dan Mina dan menentukan segala urusan makan minum di sana yang bertujuan memberikan kemudahan dan mengelakkan kebakaran khemah jemaah haji. Segala urusan kematian juga akan diuruskan oleh maktab masing-masing (Laporan Tahunan Jabatan Haji, 1984).

Meskipun pada dasarnya, Sistem Muassasah mempunyai matlamat yang lebih baik berbanding sistem Sheikh Haji, iaitu memberi kesempurnaan dan keselesaan kepada jemaah haji tetapi pelaksanaannya tidak dilakukan secara teratur menyebabkan timbul pelbagai masalah. Contohnya, pelbagai aduan, rungutan dan kritikan disiarkan di akhbar tempatan setelah berakhirnya musim haji tahun 1984. Rata-rata jemaah haji menyifatkan layanan Sheikh Haji melalui sistem tersebut sebagai tidak amanah dan tidak berperikemanusiaan. Sebilangan besar jemaah haji mengemukakan aduan mengenai layanan buruk yang diterima dari segi kemudahan tempat tinggal. Terdapat kejadian apabila hampir 500 orang jemaah haji Malaysia ditempatkan di kawasan yang tidak sesuai ketika di Mina. Lebih malang lagi apabila kebanyakan pasangan suami isteri terpaksa tinggal berasingan apabila ditempatkan di maktab-maktab yang berlainan (Laporan Tahunan Jabatan Haji, 1984). Permohonan agar ditempatkan ke dalam maktab yang sama menyebabkan mereka terpaksa membayar beberapa ratus riyal sebagai bayaran tambahan. Hampir semua jemaah haji Malaysia tidak mendapat kawasan 1x2 meter seperti yang dijanjikan walaupun Lembaga Tabung Haji telah menjelaskan keseluruhan bayaran sewa rumah sebelum ketibaan jemaah haji ke Tanah Suci (Laporan Tahunan Jabatan Haji, 1984).

Kebajikan jemaah haji juga secara umumnya tidak diberikan perhatian di bawah Sistem Muassasah. Terdapat segelintir jemaah haji yang tersadai di Jeddah selama tujuh jam sebelum dihantar dengan bas ke Madinah. Ada juga jemaah haji yang hampir pengsan kerana kepanasan akibat alat pendingin hawa bas tidak berfungsi. Kebanyakan bas yang disediakan dari Makkah ke Madinah dan Arafah juga terlalu buruk. Jemaah haji Malaysia juga menghadapi kesukaran apabila giliran menaiki bas ke Muzdalifah diberi keutamaan kepada jemaah haji Indonesia. Kesukaran juga turut dialami oleh petugas-petugas Lembaga Tabung Haji yang dihantar ke Hospital Mina bagi mengesan jemaah haji Malaysia yang sakit apabila mereka tidak dibenarkan bertugas di sana (Laporan Tahunan Jabatan Haji, 1984).

Pelaksanaan sistem berkenaan juga telah menyebabkan Sheikh Haji seperti kehilangan semangat bekerja kerana mereka tidak lagi perlu bersaing dan bekerja kuat bagi memenangi hati jemaah haji kerana pembahagian jemaah haji dilakukan oleh jawatankuasa Muassasah. Ada juga pihak yang mendakwa bahawa Sheikh Haji sendiri sebenarnya kurang berminat dengan sistem baharu berkenaan kerana mereka tidak boleh mengaut keuntungan yang banyak. Mereka cuba menunjukkan rasa tidak senang terhadap sistem berkenaan dengan menjadikan jemaah haji sebagai sasaran. Kebanyakan mereka tidak mengambil peduli mengenai apa yang berlaku terhadap jemaah haji di bawah pengawasan mereka kerana segala tanggungjawab akan dipikul oleh jawatankuasa Muassasah (Aiza Maslan, 2009).

Berikutan pelbagai kesulitan yang timbul, Lembaga Tabung Haji telah mengambil tindakan tegas menyaman Jawatankuasa Muassasah Asia Tenggara pada 5 Oktober 1984 sebagai pengajaran agar kecuaiannya sedemikian rupa tidak berulang pada masa hadapan. Sehubungan itu, kesemua 13 orang ahli Jawatankuasa Muassasah Asia Tenggara yang diketuai oleh Sheikh Muhammad Ali Inderagiri telah dibicarakan dan keputusan perbicaraan mendapati pihak jawatankuasa terbabit bersalah dan diberi peringatan agar tidak mengulangi kecuaiannya dalam menjaga kebajikan jemaah haji. Pengerusinya telah memberikan jaminan akan berusaha mengatasi segala kesulitan yang timbul pada tahun tersebut dan akan memperkemas lagi urusan haji bagi tahun-tahun berikutnya. Kerajaan Arab Saudi juga telah berjanji akan mengambil beberapa langkah bagi memastikan jemaah haji Malaysia mendapat layanan yang lebih baik pada masa akan datang.

Sebuah jawatankuasa penerima aduan yang akan bertugas sepanjang musim haji bagi menyelesaikan masalah jemaah haji telah diwujudkan oleh kerajaan Arab Saudi (Aiza Maslan, 2009).

Berikutan itu, sebuah laporan telah disediakan oleh pegawai-pegawai kanan Lembaga Tabung Haji. Pada 22 Oktober 1984, sebuah memorandum telah diserahkan kepada Perdana Menteri Malaysia. Sehubungan itu, pelbagai isu telah dirundingkan oleh kerajaan Malaysia dengan kerajaan Arab Saudi bagi mengatasi segala kelemahan yang wujud dalam hal ehwal pengurusan haji. Satu persetujuan telah dicapai agar Lembaga Tabung Haji diberi hak bersama Muassasah untuk menyewa rumah penginapan jemaah haji. Sebelum disewa, pemeriksaan bersama oleh pihak LUTH dan Muassasah akan diadakan. Lujnah Tanfiziah (Jawatankuasa Bertindak) telah diwujudkan bagi memeriksa keadaan penginapan jemaah haji sepanjang musim haji dan mereka diberi kuasa mengambil tindakan terhadap maktab-maktab yang melanggar peraturan perumahan (Fail LUTH, T429/352/1 Jld. 1).

Bagi mengelakkan suami isteri dan anggota keluarga jemaah haji tinggal berasingan, semua jemaah haji dalam satu penerbangan telah diperuntukkan maktab yang sama dan segala urusan dilakukan semasa ketibaan jemaah haji di Lapangan Terbang Jeddah dan dijalankan secara bersama oleh pihak Muassasah dan Lembaga Tabung Haji. Bagi menjamin jemaah haji disediakan makanan ala Malaysia dan makanan diedar pada masanya, pihak Muassasah mengarahkan setiap maktab memasak makanan bagi jemaah haji mereka di Arafah dan Mina. Jemaah haji juga harus diberikan makan minum sebaik sahaja tiba di Tanah Suci seperti tradisi di bawah Sistem Sheikh. Bagi mengatasi masalah kelewatan mendapatkan bas di Jeddah atau untuk ke Arafah, Lembaga Tabung Haji akan menyewa bas-bas khas untuk membawa jemaah haji Malaysia sahaja. Jemaah haji Malaysia juga akan diasingkan daripada jemaah haji negara lain bagi menjamin mereka mendapat layanan yang sewajarnya. Sebuah maktab mengendalikan tidak lebih 2,000 orang jemaah haji berbanding 4,000 orang pada tahun 1984 (Aiza Maslan, 2009).

Timbalan Menteri Haji dan Wakaf Arab Saudi, Sheikh Abdullah Bugis turut mengarahkan agar sepucuk surat perjanjian khas yang menyenaraikan tanggungjawab Muassasah antara Lembaga Tabung Haji dan Muassasah Asia Tenggara diadakan. Satu salinan surat perjanjian berkenaan akan diserahkan kepada Kementerian Haji dan Wakaf bagi memudahkan tindakan diambil terhadap pelanggaran syarat perjanjian oleh pihak Muassasah. Kerajaan Arab Saudi juga memohon diberikan tempoh sekurang-kurangnya tiga musim haji bagi memastikan sama ada sistem berkenaan sesuai atau tidak bagi jemaah haji Asia Tenggara (Fail LUTH, T429/352/ 1 Jld. 1). Setelah mempunyai pengalaman selama dua tahun, pada tahun ketiga pelaksanaannya, ternyata Sistem Muassasah telah berjaya memperbaiki banyak kelemahan pada tahun-tahun sebelumnya (Laporan Ketua Rombongan Haji, 1986). Jelaslah, bahawa pengenalan sistem baharu oleh kerajaan Arab Saudi seperti sistem kuota dan sistem Muassasah menjadi cabaran kritikal kepada Sheikh Haji dan juga jemaah haji.

## **Kesimpulan**

Secara konklusinya, sistem Sheikh Haji sebenarnya telah sebatikan dengan kehidupan berhaji orang Melayu, khususnya semasa era kapal laut. Walau bagaimanapun, sudah pasti pelaksanaan dan perjalanan sistem yang berlangsung sejak sekian lama ini mempunyai sejarah dan perkembangan yang cukup panjang. Bermula dengan pengendalian jemaah haji secara individu, ianya berkembang menjadi sebuah sistem yang dikawal selia oleh pihak pemerintah. Walaupun pelbagai usaha untuk memantapkan berkhidmatan Sheikh Haji dilaksanakan tahun demi tahun, namun, sudah pasti kelemahan tidak dapat dielakkan. Pelbagai isu masih membelenggu sistem Sheikh Haji, sekali gus memberikan cabaran yang cukup hebat kepada pelbagai pihak, khususnya kepada jemaah haji itu sendiri. Terdapat pelbagai faktor yang secara tidak langsung mempengaruhi perjalanan sistem Sheikh Haji termasuklah perubahan peraturan dan polisi kerajaan Arab Saudi itu sendiri. Setelah sekian lama melalui zaman kegemilangan, sistem Sheikh Haji akhirnya mengalami detik kemalapan seiring dengan perkembangan dan perubahan yang berlaku mengikut arus semasa.

**Penghargaan:** Kajian ini hasil penyelidikan di bawah tajaan Kementerian Pengajian Tinggi di bawah geran *Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)* dengan kod FRGS/1/2021/SS10/USM/02/4.

**Persetujuan Termaklum:** Persetujuan telah diperolehi daripada semua pihak atau subjek yang menyertai kajian ini.

**Konflik Kepentingan:** Penulis mengakui bahawa tiada sebarang konflik kepentingan wujud antara semua pihak yang telah terlibat dalam kajian ini.

## Rujukan

- Abdullah, S. A. (2015). Perniagaan haji di George Town 1860an-1970an. Dlm. Abu Talib Ahmad (Ed.). *Perniagaan haji di Pulau Pinang dan dokumentasi Sultan Kedah* (pp. 30-142). The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (MBRAS).
- Abdul Wahid, Z. A., Hassan, M. A. & Ibrahim, M. Y. (1993). *Sejarah perkembangan Tabung Haji Malaysia 30 tahun*. Utusan Printcorp Sdn. Bhd.
- Awang, M. S. (2009). *Bekalan anda ke Tanah Suci: Panduan ibadat haji, umrah dan ziarah*. Marshall Cavendish Editions.
- Awang, Y. (2008). *Kapal haji dalam kenangan*. Utusan Publications.
- Fail 1957/0401730, 1663/1346, Applies for a pilgrim broker's licence – Pohon satu lesen menjadi syeikh haji.
- Fail 1957/0230421, Sel. Sec. 1410/1924, Complaints regarding the conduct in Singapore of sheikh Haji Hussin of 218, Syed Alwi Road, Singapore.
- Fail 1957/0298429, Sel. Sec. 2753/1949, Control of the activities of Mecca sheikhs and pilgrim brokers.
- Fail 1957/0246345, Sel. Sec. 720/1927, Present position with regard to pilgrimage.
- Fail 1957/0216221, Sel. Sec. 2595/1921, Pilgrims to Mecca – notes re-system.
- Fail 2007/0024650. Sejarah ringkas kapal haji Sri Mekah dan Sri Juddah oleh Haji Fadhil bin Zakaria Basheer, J.P.
- Fail 2006/0001274, *Ordinance of the Straits Settlements (S.S)-1906-1907*.
- Fail 2010/0000195, Muslim pilgrims guide Penang, 1965.
- Fail LUTH T429/352/1 Jld .1, Surat perjanjian di antara Muassasah Asia Tenggara dan LUTH. Lembaga Tabung Haji.
- Fail LUTH, T429/352/ 1 Jld. 1, Surat perjanjian. Lembaga Tabung Haji.
- Hassan, N. (1978). *Sejarah pengerjaan haji orang-orang Tanah Melayu, 1900-1940*. [Kajian Ilmiah Tidak Diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Hooker, V. M. (1998). *Raja Ali Haji: Tuhfat Al Nafis*. Yayasan Karyawan & Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hurgronje, C. S. (1970). *Mekka in the latter part of the nineteenth century*. E. J. Brill.
- Laporan Ketua Rombongan Haji. (1977). Lembaga Tabung Haji.
- Laporan Ketua Rombongan Haji. (1986). Lembaga Tabung Haji.
- Laporan Tahunan Tabung Haji. (1982/83). Lembaga Tabung Haji.
- Laporan Tahunan Jabatan Haji. (1984). Lembaga Tabung Haji.
- Maafor, M. Z. (2011). *Sheikh haji Tanah Melayu: Aktiviti dan operasi 1900-1950* [Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Maslan @ Baharudin, A. (2009). *Dari tabung buluh ke Tabung Haji: Sejarah pengerjaan haji orang Melayu, 1850-1984* [Disertasi Kedoktoran Tidak Diterbitkan]. Universiti Malaya.
- McDonnell, M. B. (1986). *The conduct of hajj from Malaysia and its socio-economic impact on Malay society: A descriptive and analytical study 1860-1981* [Unpublished doctoral dissertation, Columbia University].
- Mohamad Zaki, M. M. & Sulong, J. (2018). Transformasi pengurusan jemaah haji Malaysia pasca pembesaran kota suci Mekah 1439H: Kajian kes Lembaga Urusan Tabung Haji (TH). *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 12(2), 59-83.
- Musa, M., Maslan, A. & Abdul Rahim, H. (2018). Penang's hajj heritage: An oral history of the sea transportation era. *Jurnal Kajian Malaysia*, 36(2), 147-164.
- Rafiqi. M. (1930). Pelayaran ke Mekah al-Mashrafa. *Jasa*, 3(8), 208-209.

- Roff, W. R. (1975). The conduct of the haj from Malaya and the first Malay pilgrimage officer. *SARI*, 1, 81-111.
- Roff, W. R. (1994). *The origin of Malay nationalism*. Yale University Press.
- Tagliocozzo, E. (2013). *The longest journey: Southeast Asians and the pilgrimage to Mecca*. Oxford University Press.